

DBP sokong tindakan DBKL

Agensi sedia bekerjasama dengan peniaga pastikan iklan patuhi peraturan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Ilah Hafiz Aziz dan Mohamad Noh Othman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah diberikan keutamaan dari segi saiz dan kedudukan dalam mana-mana papan tanda atau iklan seperti ditetapkan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam kenyataan semalam berkata, mengikut Undang-Undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1982, semua iklan hendaklah di dalam bahasa kebangsaan dan penggunaan bahasa asing dalam satu papan tanda atau iklan yang sama tidak dilarang sama sekali.

Sehubungan itu, DBP turut menyokong sepenuhnya tindakan penguatkuasaan Dewan Banda-

raya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap pemilik premis yang memamerkan iklan tanpa lesen yang sah serta tidak mengutamakan bahasa kebangsaan pada papan tanda iklan.

“Pemilik premis pastinya mengambil maklum akan undang-undang itu apabila memperbaharui lesen perniagaan pada setiap tahun.

“Amat mendukacitakan apabila pelanggaran terhadap undang-undang ini dibuat secara terang-terangan dengan pelbagai alasan, malah terdapat segelintir pemilik premis berani menaikkan iklan yang tidak langsung menggunakan bahasa kebangsaan dan beroperasi tanpa lesen yang sah,” katanya.

Isu papan tanda dan iklan berbangkit selepas Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tiong King Sing dalam kenyataannya mempertikai tindakan penguatkuasaan mengenai peraturan papan tanda dwibahasa oleh DBKL.

Beliau mendakwa, tindakan itu mengakibatkan tindak balas emosi dan melampaui batas sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati, selain wujud persepsi negatif dalam kalangan pelan-

cong yang mempersoalkan tindakan itu.

DBP dalam kenyataannya semalam juga berkata, warganegara yang bertanggungjawab, seharusnya menghormati dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

“Tindakan ini selaras dengan salah satu prinsip Rukun Negara, iaitu Kedaulatan Undang-undang. Kegagalan untuk mema-

tuhui peraturan ini bukan sahaja men cabuli undang-undang, tetapi juga menunjukkan pengabaian terhadap tanggungjawab kita sebagai rakyat,” katanya.

Jelasnya, dalam konteks kepelbagaian budaya di Malaysia, pematuhan undang-undang memainkan peranan penting dalam memastikan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini.

“DBP bersedia bekerjasama dengan peniaga untuk memastikan iklan mereka mematuhi peraturan ini.

“DBP juga bersedia memberikan panduan dan sokongan kepada peniaga dalam proses ini melalui perkhidmatan pengesa-

han penggunaan bahasa kebangsaan pada paparan iklan (papan iklan luar, papan premis, iklan tiang, gegantung, pelabelan, iklan badan kenderaan, risalah dan poster),” katanya.

Perkhidmatan ini juga katanya, boleh dicapai secara talian melalui Sistem DBP Sah Bahasa (dbpsahbahasa.my) dan Khidmat Nasihat Dewan Bahasa dan Pustaka (KNDBP).

DBP dalam kenyataan semalam turut menegaskan tindakan penguatkuasaan peraturan papan tanda yang dijalankan di sekitar ibu negara baru-baru ini bertujuan memastikan premis perniagaan mematuhi undang-undang kecil ditetapkan.

Perkasa peranan DBP

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia (PEMUISI), Datuk Dr Radzuan Ibrahim, menggesa kerajaan memperkasakan peranan DBP supaya mempunyai ‘taring’ untuk bertindak menangani kesalahan bahasa dengan lebih berkesan.

“DBP memerlukan ‘taring’ untuk bertindak menangani kesalahan bahasa dengan lebih berkesan. ‘Taring’ atau kuasa khusus dalam menangani dan menguatkuasakan kesalahan bahasa amat diperlukan dan tidaklah sekadar memberi nasihat sahaja

seperti amalan sekarang yang terbukti tidak berkesan,” katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Radzuan berkata, pihak mempertikaikan langkah penguatkuasaan DBKL adalah tidak bertanggungjawab dan tidak memahami peruntukan undang-undang serta peraturan berkenaan penggunaan bahasa kebangsaan di papan tanda terletak di kawasan PBT.

Selain itu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Sabri Yaakob, mencadangkan PBT menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dan menguatkuasakan undang-undang serta tidak lagi bertolak ansur dengan pihak yang meremehkan penggunaan bahasa Melayu.

Beliau berkata, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, menyebabkan tidak berlaku pilihan untuk tidak menggunakan Bahasa Persekutuan itu pada papan tanda atau dalam urusan di negara ini.

“Kita sudah merdeka lebih setengah abad dan tidak sewajarnya kita masih terperangkap dalam retorik pertikaian bahasa ini kerana ia sudah jelas bahasa Melayu adalah bahasa rasmi Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.



Radzuan Ibrahim